



**KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH**  
**Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah**  
**Jalan UMS, Teluk Likas**  
**88400 KOTA KINABALU**  
**Sabah, Malaysia**  
**Tel.: 088-368000 Faks: 088-213584**  
**Website: www.mof.sabah.gov.my**

Tel. : 088-368320/068/038  
Bil. : KEW(S) 400-0/2/22 JLD.7  
Tarikh : **30** Mac 2022

**NOTIS PENGUMUMAN (5)**

*Kepada sesiapa yang berkenaan,*

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**STATUS PELAKSANAAN CUKAI JUALAN NEGERI (CJN) KE ATAS KOMODITI PERIKANAN YANG DIBAWA KELUAR DARI SABAH DAN PEMBAYARAN TUNGGAKAN CJN MEI-DISEMBER 2021 SERTA CJN TAHUN 2022**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk perkara tersebut dan Notis Pengumuman Kementerian ini yang bertarikh 28 April 2021, 25 Jun 2021, 28 Julai 2021, 3 November 2021 dan 5 Januari 2022 adalah berkaitan.

**Status Pelaksanaan CJN**

2. Seperti mana dimaklumkan oleh YB Pembantu Menteri Kewangan semasa sesi Persidangan Dewan Undangan Negeri pada 24 Mac 2022, bahawa CJN ini mula berkuatkuasa 1 Mei 2021 selepas Kerajaan Negeri melalui Kementerian Kewangan Negeri mewartakan Perintah CJN (Kadar Cukai) 2021 untuk mengenakan CJN ke atas komoditi perikanan yang dibawa keluar dari Sabah. CJN ini masih berkuatkuasa dan dilaksanakan sehingga kini.

**Penangguhan Bayaran CJN Mei-Disember 2021**

3. Pada tahun lepas, setelah mempertimbangkan rayuan daripada pelbagai pihak berkaitan, maka Kerajaan Negeri bersetuju untuk menangguh pembayaran CJN Mei – Disember 2021 yang sepatutnya dilakukan oleh syarikat pada bulan berikutnya selepas urusan pemindahan dan pengeksportan produk komoditi perikanan dibawa keluar dari Sabah. Keputusan ini telah disampaikan melalui Notis Pengumuman Kementerian Kewangan Ketiga(3) bertarikh 3 November 2021 yang memaklumkan bahawa :

- (i) perlu memohon Lesen CJN dengan Kementerian Kewangan bagi syarikat yang masih belum berdaftar; .../2

**“SABAH MAJU JAYA”**



(2)

KEW(S) 400-0/2/22 JLD.7

30 Mac 2022

## **STATUS PELAKSANAAN CUKAI JUALAN NEGERI (CJN) KE ATAS KOMODITI PERIKANAN YANG DIBAWA KELUAR DARI SABAH DAN PEMBAYARAN TUNGGAKAN CJN MEI-DISEMBER 2021 SERTA CJN TAHUN 2022**

---

- (ii) untuk mengisyiharkan cukai bulanan melalui borang 4 (borang pengisyiharan);
- (iii) tunggakan cukai bagi tempoh tersebut masih perlu dijelaskan sepenuhnya pada tahun berikutnya iaitu sebelum atau selewat-lewatnya pada 28 Januari 2022; dan
- (iv) Kegagalan mematuhi Perkara 3 (i), (ii) dan (iii) apabila disabit akan dikenakan denda atau penalti mengikut seksyen berkaitan, Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998.

### **Tunggakan CJN Bulan Mei - Disember 2021 Dibayar Selewat-Lewatnya Pada 30 Jun 2022**

5. Pada 24 Mac 2022, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh membayar tunggakan CJN tahun 2021 dari 28 Januari 2022 sehingga 30 Jun 2022 tanpa kenaan penalti. Dengan demikian, pihak syarikat yang masih belum membuat demikian adalah dinasihatkan agar mengambil tindakan sewajarnya.

### **Tindakan Undang-Undang**

6. Sila maklum bahawa berdasarkan data/maklumat yang diperolehi daripada pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kementerian ini telah/sedang mengenalpasti dan mengeluarkan surat peringatan kepada pihak syarikat yang didapati masih belum mematuhi Perkara 3 (i), (ii) dan (iii) dan tindakan undang-undang akan diambil di mana berkaitan.

.../3

**“SABAH MAJU JAYA”**

(3)

KEW(S) 400-0/2/22 Jld.7

30 Mac 2022

**STATUS PELAKSANAAN CUKAI JUALAN NEGERI (CJN) KE ATAS KOMODITI PERIKANAN YANG DIBAWA KELUAR DARI SABAH DAN PEMBAYARAN TUNGGAKAN CJN MEI-DISEMBER 2021 SERTA CJN TAHUN 2022**

---

**CJN Tahun 2022 Perlu Dibayar Sebelum Pemindahan/Pengeksportan**

6. Sepertimana telah berkuatkuasa pada masa ini, pihak tuan/puan hendaklah membuat pengisytiharan dan pembayaran CJN sebelum pemindahan dan pengeksportan produk komoditi perikanan dilakukan. Salinan Borang 4 (borang pengisytiharan) hendaklah dibuktikan kepada pihak JKDM untuk tujuan pemindahan komoditi perikanan yang dibawa keluar dari Sabah. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan urusan tersebut disekat oleh JKDM.

**Buku Panduan Dan Notis Pengumuman**

7. Untuk kemudahan rujukan, buku panduan CJN dan notis-notis pengumuman berkaitan boleh diakses di laman sesawang rasmi Kementerian ini dan Sistem E-CJN.

**Pertanyaan**

8. Jika terdapat sebarang pertanyaan lanjut, sila berhubung dan merujuk kepada Pejabat Cukai Jualan Negeri, Bahagian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Kewangan di talian 088-368071/038/320 atau di Aras 5, Blok A, Menara Kinabalu, Kota Kinabalu.

Sekian dan terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



( DATUK HAJI RUSDIN RIMAN C.A(M), FCPA(A), CPFA(UK) )

Setiausaha Tetap

Selaku Pengarah Cukai Jualan Negeri

s.k. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri  
Aras 28, Blok A, Menara Kinabalu

**“SABAH MAJU JAYA”**

**KOTA KINABALU**

s.k Peguam Besar Negeri Sabah  
Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah  
Aras 22 & 23, Blok A, Menara Kinabalu  
**KOTA KINABALU**

Setiausaha Tetap  
Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah  
Aras 7 & 8, Wisma Pertanian  
Jalan Tasik, Luyang, Beg Berkunci 2049  
**88624 KOTA KINABALU.**

Pengarah  
Jabatan Perikanan Sabah  
Aras 4, Blok B, Wisma Pertanian Sabah,  
**88624 KOTA KINABALU.**

Timbalan Pengarah Kastam Operasi Perkastaman Zon Sabah  
Jabatan Kastam Diraja Malaysia Zon Sabah  
Aras 7, Wisma Kastam Sabah, Jalan UMS  
**88400 KOTA KINABALU.**

Pengarah  
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Cawangan Sabah)  
Lot 72 & 73, Blok K, Plaza Utama Alamesra  
**88450 KOTA KINABALU.**

**“SABAH MAJU JAYA”**